
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

HKA 101 – Pengantar Kesusasteraan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. **DUA** dari **BAHAGIAN A** dan **DUA** dari **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A

1. Baca tiga rangkap pantun di bawah dan bincangkannya dari sudut keindahan bentuk dan keelokan isinya. Bagaimanakah rangkap-rangkap pantun tersebut dapat meninggalkan kesan rasa dan kesan akal kepada khalayak?

Budak-budak bermain tombak,
Tombak diikat dengan rantai;
Kalau takut dilambung ombak,
Jangan berumah di tepi pantai.

Pantai Lukut luas terbentang,
Teluknya penuh berbatu karang;
Ibarat melukut di tepi gantang,
Masuk tak penuh keluar tak kurang.

Berburu ke padang datar,
Dapat rusa belang di kaki;
Berguru kepalang ajar,
Bagai bunga kembang tak jadi.

2. Huraikan episod tentang Beraim Bapa dalam *Hikayat Raja Pasai* sebagai "tamsilan" kepada kezaliman Sultan Ahmad. Bagaimanakah pengarang menarik simpati khalayak terhadap tokoh legenda ini?
3. Motif tentang "konflik saudara" menjadi sebahagian daripada tema *Hikayat Raja Pasai*. Hubungkan konflik tersebut dengan wasiat Malikul Salih dan perlihatkan bagaimana ia boleh membawa kepada kejatuhan Pasai.
4. Huraikan realiti masyarakat yang digambarkan melalui *Syair Sinyor Kosta*. Apakah yang membezakan syair ini daripada syair-syair roman yang sebelumnya.

BAHAGIAN B

5. Walaupun karya Usman Awang *Muzika Uda dan Dara* memberi kesan akhir bahawa ia adalah semata-mata satu lakonan, tetapi secara tersirat ia membawa amanat yang luas dan mendalam. Bincangkan pernyataan ini.
6. Lambang ialah unsur yang tersendiri dalam bahasa puisi. Melalui unsur ini seseorang penyair dapat menggenengahkan amanatnya dengan lebih puitis dan berkesan. Merujuk kepada puisi-puisi yang dilampirkan iaitu "Kita Ini Tetamu Senja" karya A. Samad Said, "Tuhan Kita Begitu Dekat" karya Abdul Hadi W.M. dan "Padamu Jua" karya Amir Hamzah, jelaskan bagaimana unsur tersebut digunakan untuk menyampaikan mesej oleh ketiga-tiga penyair tersebut.
7. Watak Siti dalam cerpen "Perempuan" karya Shahnnon Ahmad dikatakan watak yang memendam rasa, manakala watak "Mat Jenin" dalam cerpen "Fatamorgana" karya Fatimah Busu, dikatakan watak yang mempunyai cinta kasih yang tulen dan abadi kepada impiannya. Bincangkan permasalahan watak-watak ini.
8. Keseluruhan jalan cerita novel *Tempat Jatuh Lagi Dikenang* karya Adibah Amin, adalah jalinan dan penggarapan pengalaman peribadi watak aku. Apakah sudut pandangan yang digunakan dalam novel ini dan hubungkan dengan pengalaman watak aku.

...Lampiran 1/-

...4/-

Lampiran 1

Padamu Jua

Habis kikis
Segala cintaku hilang terbang
Pulang kembali aku padamu
Seperti dahulu.

Kaulah kandil kemerlap
Pelita jendela dimalam gelap
Melambai pulang perlahan
Sabar, setia selalu.

Satu kekasihku
Aku manusia
Rindu rasa
Rindu rupa.

Di mana engkau
Rupa tiada
Suara sayup
Hanya kata merangkai hati.

Engkau cemburu
Engkau ganas
Mangsa aku dalam cakarmu
Bertukar tangkap dengan lepas.

Nanar aku gila sasaran
Sayang berulang padamu jua
Engkau pelik menarik ingin
Serupa dara dibalik tirai.

Kasihmu sunyi
Menunggu seorang diri
Lalu waktu – bukan giliranku
Mati hari – bukan kawanku...

...Lampiran 2/-

...5/-

Lampiran 3

KITA INI TETAMU SENJA

Kita datang ini hanya sebagai tetamu senja
bila cukup detik kembalilah kita kepada-Nya
kita datang ini kosong tangan kosong dada
bila pulang nanti bawa dosa bawa pahala

Pada tetamu yang datang dan kenal jalan pulang
bawalah bakti mersa kepada Tuhan kepada insan
pada tetamu yang datang dan lupa jalan pulang
usahlah durhaka pula kepada Tuhan kepada insan

Bila kita lihat manusia lupa tempat
atau segera sesat puja darjat puja pangkat
segera kita insaf – kita ini punya kiblat
segera kita ingat – kita ini punya tekad

Bila kita lihat manusia terbiar larat
hingga mesti merempat ke biru laut ke kuning darat
harus kita lekas sedar penuh pada tugas
harus kita tegas sembah seluruh rasa belas

Kita datang ini satu roh satu jasad
bila pulang sekali bawalah bakti padat berkat!

(A. Samad Said)

...Lampiran 4/-

...7/-